

## Perkembangan Pembanterasannya Rasuah di Indonesia

*The Development of the Corruption Eradication in Indonesia*

**Afriadi Sanusi**

Jabatan Sains Politik Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Email: adirao76@gmail.com

### Abstrak

Artikel ini mengkaji tentang perkembangan pembanterasannya rasuah di Indonesia. Ia menerangkan tentang sejarah perkembangan rasuah sejak orde lama, orde baharu dan era reformasi. Ibarat kata falsafah, pengalaman adalah guru yang bijaksana, kajian seperti ini berguna untuk ahli dan penyelidik yang berkaitan bidang. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang mengumpulkan pelbagai data melalui metod kajian literatur, metod sejarah dan analisis kandungan terhadap sumber primer seperti buku, artikel jurnal dan laporan rasmi pemerintah Indonesia. Kajian mendapati bahawa Indonesia telah melakukan pelbagai cara dalam membantersa rasuah. Setiap pemimpin memiliki cara masing-masing dalam membantersa isu rasuah. Kajian mencadangkan agar pembanterasannya rasuah di Indonesia dilakukan secara berterusan tanpa memisahkan hubungan kaedah daripada zaman sebelumnya tetapi dengan hanya memperbaiki kelemahan masa lalu.

**Kata kunci:** isu, pembangunan, rasuah, pembanterasannya, Indonesia

### Abstract

*This article examines the development of corruption eradication in Indonesia. It explains how the history of fighting corruption since the old order, the new order and the reform era. Like the philosophy indicates that the experience is a wise teacher, study such as this is useful for academic use and stakeholders. This is a qualitative study that collects data through a variety of literature review method, historical method and content analysis of primary sources, including books, journals and articles in the official report of the Indonesian government. The study has found that the Indonesia government has employ various ways in fighting corruption. Every leader has his own path in fighting corruption. The researchers suggest that corruption eradication in Indonesia is carried out continuously without breaking the chain of corruption of the previous order but only overcome the weaknesses of the past.*

**Keywords:** issue, development, corruption, eradication, Indonesia

### Pengenalan

Indonesia merupakan sebuah negara bekas jajahan Belanda yang merdeka pada 17 Ogos 1945. Setelah menerima kemerdekaan, Indonesia dipimpin oleh dua orang presiden yang bersifat autonomi selama 53 tahun. Pemulihan dasar politik yang telah hancur selama 53 di Indonesia itu perlu dilakukan dalam rangka mewujudkan masyarakat adil dan makmur yang direndai Allah sesuai dengan konsep masyarakat madani. Hal ini kerana menurut Affan Ghafar (1999), masyarakat madani berfungsi sebagai pengimbang kekuasaan negara yang berlebihan.

Kedua rejim *identic* dengan rasuah yang menjadi identiti pada masa orde lama dan orde baharu. Sehubungan dengan itu, menurut Yayasan Lembaga Bantuan Hukum Indonesia (YLBHI) Negara dilanda kerugian akibat rasuah sekaligus hak-hak sosial dan ekonomi masyarakat diabaikan. Oleh itu, pembanteras rasuah perlu dilakukan dengan cara luar biasa melalui KPK yang bersifat bebas dan memiliki hak autonomi membasmi masalah ini sehinggadiharapkan dapat melakukannya dengan sistematis, efektif, maksimal (YLBHI, 2007).

### **Penyataan Masalah Kajian**

Menurut Transparensi Internasional, walaupun Indonesia memiliki data yang buruk dalam hal rasuah, Namun Indonesia telah melakukan pelbagai cara dalam membanteras isu ini. Sejarah perkembangan pembanteras rasuah mulai dari orde lama, orde baharu dan orde reformasi diharapkan dapat mendedahkan polemik pembanteras rasuah selama ini penambaikan yang perlu dilakukan pada masa akan datang.

### **Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini dilaksanakan bertujuan;

- a. Mengkaji bentuk pembanteras rasuah di orde zaman lama, orde baharu dan era reformasi
- b. Mengenal pasti faktor kegagalan pembanteras rasuah di Indonesia
- c. Menyarankan pendekatan pembanteras rasuah yang lebih baik

### **Metodologi Kajian**

- a. Artikel ini membincangkan sejarah perkembangan pembanteras rasuah di orde lama, orde baharu dan orde reformasi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan metod kajian literatur, metod sejarah dan analisis kandungan terhadap sumber primer seperti buku, artikel dalam jurnal dan laporan rasmi Komisi Pembanteras Korupsi.

### **Data Rasuah di Indonesia**

Isu rasuah berlaku daripada pelbagai krisis tanah air seperti krisis hukum, krisis keamanan dan krisis ekonomi negara.<sup>1</sup> Untuk meneliti sejauh mana seriusnya isu rasuah di Indonesia, maklumat tersebut dapat disemak daripada data yang dikeluarkan oleh Transparensi Internasional seperti berikut;

---

<sup>1</sup>EFP Syaifullah Fatah, *Jangan Bunuh KPK*, (Jakarta: Kompas, 2009),21

<b>Indeks Persepsi Korupsi Indonesia</b>				
Nombor	Tahun	Kedudukan	Jumlah Negara	Skor
1	1995	41	41	1.94
2	1996	45	54	2.65
3	1997	46	52	2.72
4	1998	80	85	2.00
5	1999	97	99	1.7
6	2000	85	90	1.7
7	2001	88	91	1.9
8	2002	96	102	1.9
9	2003	122	133	1.9
10	2004	133	145	2.0
11	2005	137	158	2.2
12	2006	130	163	2.4
13	2007	143	179	2.3
14	2008	126	180	2.6
15	2009	111	180	2.8
16	2010	110	178	2.8
17	2011	100	183	3.0
18	2012	118	174	3.2
<b>19</b>	<b>2013</b>	<b>114</b>	<b>175</b>	<b>3.2</b>
<b>20</b>	<b>2014</b>	<b>107</b>	<b>174</b>	<b>3.4</b>
<b>21</b>	<b>2015</b>	<b>88</b>	<b>168</b>	<b>3.6<sup>2</sup></b>

Sumber: Transparency International (2013)

Jadual ini telah diringkaskan dengan memaparkan indeks persepsi rasuah dari tahun 1995 hingga 2015 yang dikeluarkan oleh Transparensi Internasional.

### **Sejarah Pembanterasannya Rasuah di Indonesia**

Rasuah menurut Romli Atmasasmita (2002), merupakan bentuk pelanggaran hak asasi manusia di dalam bidang hak-hak sivil dan pembangunan. Khusus dalam pembanterasannya rasuah, Indonesia memiliki sejarah yang panjang, iaitu dengan terbentuknya pelbagai agensi pembanterasannya rasuah sebagaimana yang akan dijelaskan pada bahagian selanjutnya;

#### **Orde Zaman Lama**

Orde lama merupakan era kepimpinan Soekarno yang bermula dari tahun 1945 hingga 1966. Ia juga dikenali sebagai era demokrasi terpimpin. Keadaan ekonomi masyarakat pada waktu demokrasi terpimpin adalah sangat lemah. Rasuah berlaku di jabatan-jabatan negara, seperti rasuah di mahkamah. Peguam Negara juga tidak terkecuali daripada terlibat dengan isu rasuah, malah, pihak yang menjaga keselamatan negara seperti polis jugaturut terlibat. Isu rasuah pada

<sup>2</sup>Corruption Perceptions Index 2015, dicapai 11 Mac 2016,  
<http://www.ti.or.id/index.php/publication/2016/01/27/corruption-perceptions-index-2015>

masa ini, seolah-olah menjadi fenomena rutin menerima wang sogokan daripada rakyat sendiri (Danies S. Lev, 1999)

Terdapat undang-undang tentang pembanteras rasuah yang terdapat dalam Kitab Undang-Undang Hukum Jenayah (KUHP) fasal 419, 420, 423, dan 425. Gerakan pembanteras rasuah dilakukan secara besar-besaran pada masa pemeritahan Jeneral Abdul Haris Nasution yang menjawat kedudukan Ketua Angkatan Darat sebagai Penguasa Tentera yang ditandai dengan lahirnya Peraturan Penguasa Tentera No Prt/PM/06/1957 tentang Peraturan Pembanteras Korupsi. Peraturan Penguasa Tentera No. PRT/PM/08/1957 Tentang Pemilikan Harta Benda.

Peraturan Penguasa Tentera No.PRT/pm/011/1957 Tentang Penyitaan dan Perampasan Harta Benda dilaksanakan bagi membanteras perbuatan yang menyalahi undang-undang.Seterusnya, terdapat Peraturan Penguasa Peranan Pusat No.PRT/PePerpu/013/1958 bagi membanteras masalah, penuntutan dan pemeriksaan perbuatan rasuah jenayah dan pemilikan harta benda (Harmien Hadiati, 1994) menerusi terbinanya undang-undang nombor 24/prp/ 1960 tentang pembanteras tindak jenayah rasuah. Gerakan ini cukup berani dengan mennyiasat para Menteri dan tokoh utama Parti Politik besar yang disyaki melakukan rasuah, termasuk dengan memindah tugaskan para Panglima Tentera Daerah yang disyaki melakukan rasuah. Pengertian korupsi yang terkandung dalam Peraturan Penguasa Tentera No. Prt/PM/06/1957 ialah;

*“a. Tiap perbuatan yang dilakukan oleh siapa pun juga, baik untuk kepentingan diri sendiri, untuk kepentingan orang lain atau untuk kepentingan suatu badan yang langsung atau tidak langsung menyebabkan kerugian bagi kewangan perekonomian negara. b. Tiap perbuatan yang dilakukan oleh seorang pejabat yang menerima gaji atau upah dari kewangan negara atau daerah ataupun dari suatu badan yang menerima bantuan dari kewangan negara atau daerah, yang mempergunakan kesempatan atau kewenangan atau kekuasaan yang diberikan kepadanya oleh kedudukan, langsung atau tidak langsung membawa keuntungan kewangan material baginya” (Harmien Hardiati, 1994)*

## **Orde Baharu**

Roeder (1985) menggambarkan Soeharto sebagai seorang yang

*“...menutup mata terhadap praktik korupsi di antara pelaku-pelaku nya dari segala golongan dalam pemerintah dan masyarakat serta semua lapisan dan yang bertindak berlebih-lebihan untuk menjaga kelangsungan kekuasaannya” (O.G. Roeder, 1985)*

Tujuan berdirinya orde baharu bertujuan memperbaiki kekurangan masa lama. Tugas penting Soeharto waktu itu adalah membasmi penyalahgunaan rasuah di beberapa perusahaan milik negara kerana dikelola oleh orang yang tidak ahli dalam bidangnya seperti askar yang sudah berpencen (Rasih Anwar, 1992). Namun rasuah di orde baharu semakin berleluasa. Pemerintah semakin bersifat autoriti dan campur tangan dalam masalah politik dan ekonomi semakin menjadi polemik yang hangat dibincangkan (Clifford Gertz, 1999).Isu rasuahmenjadi fenomena yang konsisten dari lembaga Presiden hingga ke kampung bagaikan sudah direncana dengan sempurna atau dikenali sebagai KKN (Korupsi Pakatan sulit dan Nepotisme) (Jimly Asshiddiqie, 2005). Terdapat berapa peraturan per undang-undang yang berkaitan dengan rasuah seperti;

1. Keputusan Presiden No 28 tahun 1967 tentang pembentukan team pembanterasannya korupsi yang memiliki tugas menghukum dan pencegahan.
2. Undang-undang No 3 tahun 1971 tentang pembanterasannya tindak jenayah korupsi. (Harmien Hardiati, 1994)
3. Undang-undang Tindak Jenayah Korupsi (Tipikor) pada masa ordebaru kepemimpinan Soeharto pernah dibentuk pelbagai jawatankuasa anti rasuah antara lain; 1. Team Pembanterasannya Korupsi yang berada di bawah Kejaksaan Agung tahun 1967, 2. Komisi empat tentang pembanterasannya korupsi tahun 1970, dan tahun 1977 pembanterasannya rasuah melalui Operasi Penertiban dan sebagainya, namun semuanya gagal, (KPK, 2007).

Lembaga anti rasuah yang pernah dibentuk pada era Soeharto dan sebelum kelahiran KPK adalah; Team Pembanterasannya Korupsi Melalui Keppres No 288/1967, Komisi Empat melalui Keppres No 12 /1970, Komite Anti Korupsi, Operasi Penertiban melalui Inpres No 9/1977, Team pembanterasannya korupsi 1982 dan Team Gabungan Pembanterasannya Tindak Jenayah Korupsi melalui Undang-undang nombor 31/1999 dan PP nombor 19 tahun 2000 (Haryono Umar, 2012).

### **Pasca Gerakan Reformasi 1998**

Pembanterasannya rasuah pasca reformasi 1998 dimulai dengan lahirnya pelbagai peraturan dan perundangan yang berkaitan dengannya, seperti; Ketetapan Majelis Permesyuaratan Rakyat (MPR) Nombor XI/MPR/1999 Tentang Penyelenggaraan Negara Yang Bersih dan Bebas Korupsi, Pakatan Sulit dan Nepotisme (KKN). Terdapat juga Undang-undang Nombor 28 Tahun 1999 Tentang Penyelenggara Negara Yang Bersih Dari Korupsi, Pakatan sulit dan Nepotisme (KKN). UU nombor 31 tahun 1999 Tentang Pembanterasannya Tindak Jenayah Korupsi, yang telah disempurnakan menjadi Undang-undang nombor 20 Tahun 2001 Tentang Perubahan Atas Undang-undang 31 Tahun 1999 yang dibuat semasa pemerintahan Habibie (Baharuddin Jusuf Habibie, 2006). Sejak awal pemerintahan lagi, Habibie telah menyetujui perjuangan ke arah urus tadbir baik Indonesia seperti pemerintahan yang bersih dan bebas dari KKN serta kehidupan ekonomi yang lebih memberi peluang berusaha secara adil (Baharuddin Jusuf Habibie, 2006). Pelbagai institusi juga ditubuhkan seperti pembentukan Komisi Ombudsman pada tahun 2008 yang bertugas mengawasi penyelenggaraan perkhidmatan awam (Sunaryati Hartono, 2005), Komisi Pemeriksa Kekayaan Penyelenggara Negara (KPKPN), tahun 1999 dan Komisi Pembanterasannya Korupsi (KPK) pada tahun 2002.

Undang-undang lain dalam menghadapi rasuah pada era reformasi ialah; Peraturan pemerintah Republik Indonesia Nombor 71 tahun 2000 tentang tata cara pelaksanaan peranan serta masyarakat dan pemberian penghargaan dalam pencegahan dan pembanterasannya tindak jenayah korupsi. Undang-undang Nombor 30 tahun 2002 tentang komisi tindak jenayah rasuah. Terdapat juga Instruksi Presiden Republik Indonesia Nombor 5 Tahun 2004 tentang percepatan pembanterasannya rasuah. Selain itu, tertubuhnya juga Undang-undang Republik Indonesia Nombor 46 Tahun 2009 tentang pengadilan tindak jenayah rasuah. Selanjutnya, terdapat juga pengagasan Undang-undang Republik Indonesia Nombor 8 Tahun 2010 tentang pencegahan dan pembanterasannya tindak jenayah perubahan wangserta Instruksi Presiden republik Indonesia Nombor 9 Tahun 2011 tentang rencana aksi pencegahan dan pembanterasannya rasuah tahun 2011. Seterusnya, tertubuhnya juga Kod Etika Pegawai Komisi Pembanterasannya Korupsi Tahun 2006 serta Undang-undang Republik Indonesia Nombor 7 Tahun 2006 tentang pengesahan *United Nations Convention Against Corruption 2003*. Selain itu terdapat juga pengagasan Rencana Aksi Pencegahan dan Pembanterasannya Korupsi Tahun 2011.

## **Analisis Faktor Kegagalan Pembantaranan Rasuah di Indonesia**

Faktor penyebab yang mempengaruhi kegagalan pembantaranan rasuah di Indonesia menurut KPK adalah; tidak ada komitmen politik daripada pemerintah, persaingan yang tidak sihat antara biro keselamatan dan perundangan, penambahbaikan sistem yang berdampak kontra produktif terhadap pembantaranan rasuah, penambahbaikan institusi yang tidak maksimum, tindakan undang-undang yang dikenakan terhadap pelaku jenayah rasuah yang kurang konsisten dan rendahnya penyelesaian kes rasuah yang diadukan oleh masyarakat. (KPK, 2006).

ICW (2016), lebih cenderung menyokong pendapat yang mengatakan bahawa kegagalan pembantaranan rasuah di Indonesia disebabkan oleh faktor kurangnya pendapatan kaki tangan kerajaan seperti Hakim, Jaksa, Polis dan sebagainya. Padahal kurangnya pendapatan kaki tangan kerajaan disebabkan oleh perkembangan ekonomi yang tidak memberangsangkan. Ekonomi yang lemah tersebut juga disebabkan oleh birokrasi yang buruk dan lemahnya pengamalan ciri-ciri *good governance* yang juga disebabkan oleh faktor rasuah. Jadi, jika ingin pendapatan meningkat, ekonomi harus dipulihkan menerusi pembantaranan rasuah terlebih dahulu. Namun begitu, tentu sahaja kenaikan pendapatan dengan pembantaranan rasuah ini menjadi dua sisi mata wang yang ibarat antara ayam dengan telur yang tak tahu mana pokok pangkalnya. Pelaku rasuah juga rata-rata adalah mereka yang berjawatan tinggi.

Namun Diana (2010), menilai bahawa faktor kegagalan pembantaranan rasuah di Indonesia disebabkan lemahnya komitmen pemerintah, kemahuan sendiri, serangan balik pemberi rasuah, enggan melakukan reformasi birokrasi, sikap pesimis atau apatis masyarakat. Faktor kegagalan pembantaranan rasuah lainnya kerana program pembantaranan rasuah dilakukan secara 'panas-panas taik ayam', iaitu tidak ada pembuat undang-undang yang memiliki kepentingan teguh terhadap pembantaranan rasuah, kurangnya upaya meningkatkan penyertaan masyarakat, semata-mata melakukan pendekatan hukum atau terlalu tertumpu pada himbauan moral, dimanfaatkannya gerakan anti rasuah untuk mendapatkan projek, untuk menjatuhkan lawan politik dan kurangnya strategi pembantaranan rasuah (Robert Klitgaard, 2005).

Faktor kegagalan pembantaranan rasuah disebabkan birokrasi pemerintah yang tidak sistematis dan tidak terfokus. Sebaliknya, dimotivasikan oleh dorongan politik yang bersilih ganti dan sesetengah misi pemerintah mereka masih belum jelas, lemahnya penguatkuasaan dan budaya feodal yang mewarnai pemikiran pemerintah dan kuasa tertinggi negara (Suhartono W. Pranoto, 2008).

Faktor kegagalan pembantaranan rasuah menurut Azyumardi Azra (2005), disebabkan oleh ketiadaan komitmen kemahuan politik *political will* dan konsistensi kepimpinan Presiden dalam usaha membantaranan rasuah. Faktor kegagalan SBY menurut Laede Ida (2010) dalam membantaranan rasuah nampaknya diulangi oleh Jokowi iaitu; ketiadaan kriteria tentang pola pengambilan penyelenggara negara, kurangnya ketegasan untuk segera membasmi dan memberi saksi pada pemberi rasuah, terjebak kepada hubungan personal, pengabaian tindakan terhadap perantara yang melakukan rasuah, pusat-pusat pengendalian terhadap rasuah yang dilakukan oleh polis, jaksa, hakim dan kuasa lain-lain di daerah.

Di samping kegagalan pemerintah, gagalnya pembantaranan rasuah juga disebabkan oleh kurangnya penyertaan masyarakat (Munawar Fuad Noeh, 2005). Jika dilihat dari sudut

penyertaan masyarakat dalam pembabitan isu rasuah ini, sememangnya penglibatan masyarakat agak kurang kerana masyarakat tidak didedahkan dengan kempen pembasmian isu rasuah. Saldi Isra (2009), memandang bahawa Mahkamah Agung sebagai lembaga pemegang kekuasaan kehakiman tertinggi banyak melindungi pemberi rasuah melalui keputusannya yang tidak memihak terhadap upaya pembanterasannya.

Dalam pandangan pengkaji, penyebab utama kegagalan pembanterasannya yang banyak berlaku di Indonesia adalah disebabkan ketiadaan *political will* daripada Presiden Indonesia. Indonesia tidak tegas terhadap para pemberi rasuah yang memiliki hubungan kekeluargaan, kepartian, perniagaan dan sebagainya. Jika waktu orde baru dan ordelama, Soekarno dan Soeharto lemah dalam memberikan contoh tauladan dan lemah dalam pembanterasannya pemberi rasuah, maka begitu juga Presiden selepasnya. Sepanjang sejarah Indonesia, hanya Presiden Habibie sahaja yang dikatakan bersih dari kes pemberi rasuah.

Indonesia selama ini juga boleh dikatakan sebagai sebuah negara yang dibinaberdasarkan kebijakan *oral policy*. Para pemimpinnya suka bercakap, berpendapat, berhujah tanpa data statistik dan kaedah menanganinya. Presiden suka bercakap tanpa data tentang kemiskinan, pengangguran dan buta huruf. Mereka tidak tahu jalan terbaik untuk mencegahnya, serta tidak memiliki data prestasi keberhasilannya setiap tahun. Polis juga tidak memiliki data prestasi peningkatan jenayah setiap tahun, bagaimanakah cara untuk mengatasinya dan berapakah bilangan perkembangan jenayah ini dilakukan secara tahunan di setiap daerah.

Kegagalan pembanterasannya rasuah di orde lama berhubung kait dengan tiadanya *political will* dan contoh tauladan daripada pemimpin atasan. Soekarno juga tidak mengeluarkan Instruksi Presiden, undang-undang ataupun peraturan khusus untuk membanterasannya rasuah di Indonesia. Menurut Hamka, Soekarno tidak menerapkan keadilan sosial dalam kehidupan bermasyarakat. Hanya individu berpangkat tinggi sahaja yang dapat menikmati kemewahan, sementara rakyat jelata hidup merempat (Hamka, 2006). Dengan yang demikian, pembanterasannya rasuah pada orde lama hanya setakat peraturan penguasa tentera tanpa bimbingan dan contoh yang baik daripada pimpinan tertinggi negara, iaitu Presiden Soekarno ketika itu.

Pembanterasannya rasuah pada zaman Soeharto juga terkandas kerana kuatnya hubungan *kroni*, berdasarkan hubungan kaum kerabat terdekat dalam bidang ekonomi yang ditubuhkan oleh pemerintah. Kegagalan juga disebabkan oleh faktor menjaga dasar persahabatan dan kesepakatan konfrontasi sebelum ini serta tidak berani menjatuhkan kepimpinan tertinggi negara dan pegawai tentera pada orde baharu ini.

Yang paling asas, penyebab kegagalan pembanterasannya rasuah pada masa orde baharu ialah tiadanya *political will* dan contoh tauladan daripada pimpinan pemimpin tertinggi negara pada era tersebut, iaitu Presiden Soeharto yang mengamalkan rasuah, kesepakatan dan menjaga hubungan kekerabatan kekeluargaan serta membiarkan amalan buruk itu menjadi senario budaya semasa pemerintahannya.

Pada masa era reformasi, pembanterasannya rasuah juga mengalami pengalaman yang hamper sama. Pembanterasannya rasuah dilaksanakan dengan hanya melaksanakan undang-undang terhadap dengan mendirikan institusi pembanterasannya rasuah tanpa *political will* dan contoh tauladan daripada pimpinan pemimpin tertinggi negara. Gusdur misalnya, sering kali melaksanakan rancangan ke luar Negara, begitu juga dengan, Megawati yang suka menjual kekayaan negara. Seterusnya, SBY menggunakan istana sebagai tempat pernikahan anaknya, manakala Jokowi membawa anak dan isterinya ke luar negara setiap kali kunjungan rasmi

negara serta suka melanggar perjanjian dalam kempen pilihan raya. Pelbagai amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa dilakukan oleh pimpinan tertinggi negara lainnya pada era reformasi ini.

Antara kelemahan zaman lama, ordebaru dan era reformasi ialah kerana ketiadaan keadilan sosial dalam pentadbirannya. Kekayaan negara hanya dinikmati oleh segelintir penguasa, sementara rakyat hidup susah dan menderita. Dalam Islam, keadilan adalah salah satu prinsip masyarakat Madani seperti yang dinyatakan dalam Quran surah 16:90, QS 6:58, 152, QS 5:8, Quran Surah Hud ayat 113 dan beberapa Hadis seperti pemimpin yang adil paling dicintai Allah dan pemimpin yang zalim paling dibenci Allah dan akan memperoleh seksaan di hari akhirat nanti. (Mustaffa Kamil Ayub, 2004)

### **Komisi Pembanterasan Rasuah Sepintas Lalu**

Komisi Pembanterasan Korupsi (KPK) adalah lembaga negara yang dalam melaksanakan tugas dan bidang kuasanya bersifat bebas (independent) dari pengaruh kekuasaan mana pun. KPK dibentuk dengan tujuan meningkatkan daya guna dan hasil guna terhadap upaya pembanterasan jenayah rasuah di Indonesia. Walaupun pimpinan KPK dirasmikan oleh Presiden, namun secara perlembagaan (konstitusi) KPK tidak tunduk pada Presiden serta Eksekutif, dan legislatif lainnya. Namun demikian, para pimpinan dan pegawai KPK tetap harus tunduk pada undang-undang sebagai kekuatan tertinggi (UU/30/2002). Hilangnya kepercayaan masyarakat kepada institusi Polis dan Kejaksanaan serta praktik pemerintahan yang mengamalkan rasuah dan membuat rakyat menderita merupakan faktor utama tertubuhnya lembaga KPK ini (Edi Nathan, 2009).

Walaupun Institusi KPK telah banyak mempergunakan wang negara, namun prestasi indeks persepsi rasuah Indonesia tidak begitu menggembirakan. Skor tertinggi yang pernah dicapai hanyalah 3 markah sekali sahaja pada tahun 2008, selebihnya hanya 2 markah (TI, 2015).

Menurut Amien Rais, KPK memiliki tiga kelemahan; 1. Memilih dalam menangani kes yang hanya mengendalikan kes atas arahan ahli politik sahaja. 2. Menangani hanya kes kecil seperti mesin jahit, sarung, pemadam kebakaran, sementara kes besar seperti *Century*, Gayus besar, BLBI, pertambangan diabaikan. 3. KPK adalah diduga menjadi agen khas berdasarkan beberapa kes. Menurut Amien Rais, sebanyak 80% kaki tangan KPK berasal dari Kejaksanaan dan Kepolisian. Sedangkan kedua-dua institusi ini telah rosak dan itulah yang menjadi asas penyebab penubuhan KPK. Menurut Amien Rais (2015) lagi, tidak mungkin dua buah lembaga yang rosak apabila disatukan menjadi baik.

Mahfud MD (2013), sebagai mantan ketua mahkamah konstitusi telah mengkritik KPK yang dinilai memiliki pengurusan yang lemah dalam menangani laporan masyarakat. Antara 160,000 laporan masyarakat hanya 16,000 yang berjaya ditangani. Mahfud juga menilai KPK memilih kes yang mudah dibuktikan dan mendapat perhatian masyarakat sahaja.

Menurut Sri Bintang (2014), kelemahan KPK terletak pada penyelidikannya yang masih meminjam dari Institusi lain. Ia akan menyebabkan berlakunya konflik kepentingan apabila para penyelidikannya itu berhadapan dengan institusi asal atau mantan komandannya. Menurut Bintang lagi, sejumlah 120 orang penyelidikannya KPK merupakan Polis dan 60 orang merupakan dari Kejaksanaan.

Para pimpinan KPK didominasi oleh orang-orang tua generasi orde lama dan orde baharu. Mereka tidak memiliki semangat juang sebagaimana yang dimiliki oleh darah muda.



Sedangkan, menduduki kedudukan sebagai pimpinan KPK memerlukan semangat juang berani mati dan tekad yang kental dalam menghadapi pelaku rasuah tegar yang sudah profesional dalam bidang rasuah selama ini. Sementara itu, orang-orang tua memiliki daya semangat kreativiti, idea, gagasan dan lemah jika dibandingkan dengan orang-orang muda.

KPK yang lahir pada tahun 2003 itu juga memiliki masalah dalam aspek kepimpinan. Walaupun KPK yang lahir selepas gerakan reformasi 1998 itu merupakan sebuah institusi yang kuat yang dijamin oleh Undang-undang, para pimpinannya dianggap lemah dalam menjalankan undang-undang itu. Walaupun dilahirkan oleh reformasi, namun boleh dikatakan tidak ada tokoh reformasi yang dapat memimpin institusi KPK dengan baik. Selain Abraham Samad, tidak ada tokoh militan yang berani bercakap kepada media massa untuk mempertaruhkan nyawa dan hartanya dalam pembanteras rasuah. Secara ringkasnya, boleh dikatakan tidak ada tokoh yang berjuang menghidupkan KPK, yang ramai adalah mereka yang mencari hidup dalam KPK.

Pemilihan pimpinan KPK hanya memerlukan restu daripada anggota Dewan Perwakilan Rakyat dan seperti yang diketahui bahawa tidak semua anggota DPR memenuhi persyaratan *ahli hilli wa al aqdi* seperti keadilan, istiqamah, integriti amanah, wara` takwa, kapasitinya bidang ilmu dan kebijaksanaan hikmah (M. Dhiauddin Rais, 2001) Kriteria alim dan fakih sebagai prasyarat untuk menjadi ahli syura (Taufik Asy-Syaw, 1997) tidak dimiliki oleh anggota DPR. Anggota MUI Majelis Ulama Indonesia adalah merupakan representatif untuk menjadi suara dewan dalam pemilihan ketua KPK. Namun demikian, MUI tidak dilibatkan dalam proses pemilihan ketua KPK.

## **Kesimpulan**

Indonesia telah menempuh jalan yang panjang dalam pembanteras rasuah pada era orde lama, orde baharu dan era reformasi. Namun demikian, semuanya boleh dikatakan gagal kerana tidak berjaya dalam mengubah kedudukan Indonesia sebagai sebuah negara yang sangat buruk dari sudut pengamalan rasuah seperti yang dicatat oleh Transparensi Internasional. Ketiadaan *political will* dan contoh tauladan daripada pimpinan pemimpin tertinggi negara, iaitu Presiden menjadi penyebab utama kegagalan pembanteras rasuah di Indonesia itu.

Pembanteras rasuah juga tidak dilakukan secara berterusan dari satu rejim ke rejim berikutnya. Ia terputus mengikut keinginan pemimpin yang diasaskan berdasarkan desakan daripada masyarakat dan kerana polemik perbincangan mengenai rasuah ketika itu. Tiada pengukuran standard dan data yang jelas tentang apakah dan bagaimanakah pembanteras rasuah ketika itu. Selain itu, masalah rasuah gagal ditangani ekoran tidak ada statistik pengamalan rasuah yang berlaku, bagaimana mengatasinya, berapakah prestasi keberhasilannya dan bagaimanakah cara memperbaikinya pada masa akan datang.

Faktor utama yang menyebabkan kegagalan pembanteras rasuah disebabkan lemahnya *leadership* oleh pemimpin tertinggi negara. Kepimpinan melalui tauladan merupakan sesuatu yang langka di Indonesia. Oleh sebab itu, ia tidak mampu dan tidak mahu menerapkan asas *good governance* seperti; penyertaan, kekuasaan hukum, transparensi, kebertanggungjawaban, orientasi konsensus, persamaan, efektif dan efisien, akauntabiliti dan strategik seperti yang diungkapkan oleh UNDP (1997).

Pimpinan tertinggi negara, iaitu Presiden juga tidak menunjukkan contoh yang baik kepada orang bawahannya. Polemik 'cakap tak serupa bikin' banyak berlaku dalam kalangan pemimpin Indonesia. Indonesia masih belum melahirkan pemimpin model Rasulullah, para

sahabat atau seperti khalifah seperti Umar Bin Abdul Aziz. Bahkan pimpinan Islamik di Indonesia seperti Mohamad Natsir, Hamka, Agus Salim dan lain-lain tidak mendapat tempat yang strategik dalam wadah pembangunan negara. Bahkan, mereka cenderung disingkirkan oleh citra pemimpin tertinggi yang ada ketika itu.

## Rujukan

- Alfitra. (2011). *Hukum pembuktian dalam beracara pidana, perdata dan korupsi di Indonesia*. Jakarta: Raih Asa Sukses.
- Bacharuddin Jusuf Habibie. (2006). *Detik-detik yang menentukan, jalan panjang Indonesia menuju demokrasi*. Jakarta: Penerbit THC Mandiri.
- Bibit S. Rianto. (2009). *Pelaku korupsi Go to Hell, mengupas anatomi korupsi di Indonesia*. Jakarta: Penerbit Hikmah.
- Budi Winarno. (2008). *Globalisasi peluang atau ancaman bagi Indonesia*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Clifford Geertz. (2009). *Awas Buaya!* dalam Benedict Anderson et. al. *mencari demokrasi*. Jakarta: Institut Studi Arus Maklumat.
- DBP. (2005). *Kamus Dewan*. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Damien Kingsbury. (2011). *The politics of Indonesia*. Melbourne: Oxford University Press.
- Damsar. (2006). *Sosiologi wang*. Padang; Penerbit Unand.
- Daniel S. Lev. (1999). *Lembaga, elit dan pengawasan* dalam Benedict Anderson et. al. *mencari demokrasi*. Jakarta: Penerbit Institut Studi Arus Maklumat.
- Deliar Noer. (2003). *Islam dan politik*. Jakarta: Penerbit Yayasan Risalah.
- Diana Napitupulu. (2010). *KPK in action*. Jakarta: Penerbit Raih Sukses Asa.
- Edy Nathan. (2009). *Antasari Azhar dalang atau korban? Konspirasi penghancuran KPK*. Yogyakarta: Best.
- EEP Syaifullah Fatah. (2009). *Jangan bunuh KPK*. Jakarta: Kompas.
- Farouk Muhammad. (2005). *Menuju reformasi polri*. Jakarta: Penerbit Restu Agung.
- Fasal 4 ayat 3 & 4 UU No 30 Tahun 2002 Tentang komisi pembanterasannya tindak jenayah korupsi.
- Hamka. (2002). *Dari hati ke hati, tentang agama, sosial-budaya politik*. Jakarta: Panjimas.
- Harga Selangit. (2006). Hak asasi manusia sebagai onkos kegiatan ekonomi pihak Tentera Indonesia. *Jurnal Human Rights Watch*, Volume 18, No 5 C, June 2006.
- Harmien Hadiati. (1994). *Korupsi di Indonesia, dari delik kedudukan ke tindak jenayah korupsi*. Bandung: Penerbit Citra Aditya Bakti.
- Haryono Umar. (2012). Pengawasan untuk pembanterasannya korupsi. *Jurnal Akuntansi dan Auditing*. Volume 8 No 2 Mei 2012, 115
- Hetifah SJ. Sumarto. (2009). *Inovasi, penyertaan dan good governance*. Jakarta: Yayasan Obor.  
<http://nasional.tempo.co/read/news/2013/06/01/063485033/mahfud-md-kritik-kpk-lewat-twitter>  
<http://www.riaupos.co/1138-berita-amien-rais-beberkan-tiga-kebobrokan-kpk.html>, 1 Julai 2015
- ICW. (2012). *Korupsi di ke hutanan kalbar rugikan negara Rp120 triliun lebih*. Laman sesawang republik, dicapai 29 Mei 2012, [www.republika.co.id](http://www.republika.co.id).
- ICW. (2012). *Korupsi terjadi di semua sector*. Laman sesawang liputan 6, dicapai 29/1/2012 [www.liputan6.com](http://www.liputan6.com).
- ICW. (2011). *Bulletin ICW edisi 1 Julai I 2011*. Jakarta: ICW.
- Indeks prestasi korupsi, laman sesawang transparency, dicapai 2 Februari 2014 <http://cpi.transparency.org/cpi2011/results/>
- Jimly Asshiddiqie. (2005). *Kemerdekaan berserikat, pembubaran partai politik dan mahkamah konstitusi*. Jakarta: Penerbit Konstitusi Pres.
- K. Bertens. (2008). *Sketsa-sketsa moral 30 esei tentang masalah actual*. Yogyakarta: Kanisius. *Kala Gayus Jatuh Citra*, *Republika*, Sabtu 6 Julai 2013
- KPK, "Integriti" Vol 43/VII Jan-Feb 2015. Jakarta: KPK.
- KPK. (2007). *Integritas sektor publik 2007*. Jakarta: KPK.
- KPK. (2006). *Komisi anti korupsi di luar Negeri*. Jakarta: KPK.

- KPK. (2006). *Pelaksanaan tata kelola pemerintahan yang baik, pengalaman empiric; Kab. Solok, Kota Pekanbaru, Provinsi Gorontalo, Kab. Wonosobo, Kota Yogyakarta, Kota Surakarta, Kab. Sragen, Kab. Gianyar dan Kab. Jember*, Jakarta: KPK.
- KPK. (2007). *Menyalakan lilin di tengah kegelapan, 4 tahun KPK*. Jakarta: Penerbit KPK.
- M. Dhiauddin Rais. (2001). *Teori politik Islam*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Mohammad Amien Rais. (2008). *Agenda mendesak bangsa selamatkan Indonesia*. Yogyakarta: PPSK Press.
- Mustaffa Kamil Ayub. (2004). *Masyarakat madani & idealisme politik*. Petaling Jaya: Institute Masyarakat Madani.
- Nurchahya Tandong Assegaf. (2004). *Korupsi haram hukumnya*. Yogyakarta: Penerbit Pustaka Timur.
- O.G. Roeder. (1985). *Anak desa biografi: Presiden Soeharto*. Jakarta: penerbit Gunung Agung.
- Pasal 3 Undang-undang nombor 30 tahun 2002 <http://www.antikorupsi.org/id/content/penyebab-kegagalan-kebijakan-antikorupsi>
- Ramly Hutabarat. (2005). *Politik hukum pemerintahan Soeharto tentang demokrasi politik di Indonesia tahun 1971 -1997*. Jakarta: Penerbit FHUI.
- Robert Kligaard. (2005). *Membasmi korupsi*. Jakarta: Penerbit Yayasan Obor.
- Romli Atmasasmita. (2002). *Korupsi, good governance dan komisi anti korupsi di Indonesia*. Jakarta: Penerbit Badan Pembinaan Hukum Nasional Departemen Kehakiman dan HAMRI.
- Rosihan Anwar. (1992). *Indonesia 1966-1983 dari koresponden kami di Jakarta*. Jakarta: Penerbit Grafiti.
- Saifullah Yusuf. (2000). *Pergulatan Indonesia membangun demokrasi*. Jakarta: GP Ansor.
- Sri Bintang Pamungkas. (2014). *Ganti rejim ganti sistem; pergulatan menguasai nusantara*. Jakarta: El-Bisma.
- Sunaryati Hartono. (2005). *Peranan ombudsman dalam pembanterasannya dan pencegahan korupsi serta pelaksanaan pemerintahan yang baik*. Jakarta: Penerbit Komisi Ombudsman Nasional.
- Taufiq Asy-Syawi. (1997). Djamaluddin Z.S terj. *Syura bukan demokrasi*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Transparency International. (2013). The global coalition against corruption, [www.transparency.org](http://www.transparency.org)
- Transparency International. (2012). The global coalition against corruptions corruption perceptions index 2012”, laman sesawang CPI, dicapai 2 Mei 2014, <http://cpi.transparency.org/cpi2011/results/>